



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# **PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) 2023-2030**















KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**PELAN TINDAKAN  
MEMARTABATKAN  
BAHASA MELAYU SEBAGAI  
BAHASA ILMU DI INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI  
AWAM (IPTA)  
2023-2030**

# **PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) 2023-2030**

© Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

**Hak cita terpelihara.**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang, mengedar, atau menyiarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam sebarang bentuk dan dengan apa-apa jua cara, termasuk secara fotokopi, rakaman, atau kaedah-kaedah elektronik atau mekanik lain, sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

**Diterbitkan oleh:**

Kementerian Pendidikan Tinggi  
No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5,  
62200 Putrajaya, Malaysia

**Cetakan Pertama, 2023**



Jurugambar Patrick Langwallner  
(Menara Petronas, Kuala Lumpur, Malaysia)

# **Mutiara Ilham**

## **Menteri Pendidikan Tinggi**

Saya sangat percaya bahawa selain kualiti penekanan terhadap ilmu yang ditawarkan, institusi-institusi pendidikan tinggi negara menggalas tanggungjawab moral yang besar untuk turut tampil sebagai medan menyubur dan memperkasa bahasa Melayu. Sebagai bahasa kebangsaan yang kedudukannya termaktub dan dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan, keunggulan bahasa Melayu sebagai medium ilmu harus menjadi mercu yang diberikan perhatian secara strategik.

Selain dari menambah geran penulisan dan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi di luar kamar kuliah, usaha bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu harus diberikan pendekatan baharu agar dapat memberikan nafas yang segar dan lebih memberangsangkan, terutama di institusi-institusi pendidikan tinggi. Pemerkasaan bahasa Melayu memerlukan pendekatan baharu yang radikal dan berimpak tinggi. Pendekatan baharu ini mampu menarik minat dalam kalangan banyak pihak untuk mengenali dan mendalami bahasa Melayu dengan cara yang berdaya saing.

Memandangkan Pelan ini adalah pelan ketiga seumpamanya, saya amat berharap segala dapatan, saranan dan matlamat yang digariskan di dalamnya akan dapat diperhalusi dan dicapai dengan cemerlang. Pelan ini telah dirangka bagi menambahbaik pelaksanaan dan pengurusan pelan-pelan terdahulu. Malah, saya yakin dengan kelebihan teknologi dan platform digital pada masa ini dapat memacu rancak segenap aspek sektor pendidikan dan pemerkasaan bahasa, seterusnya menjadi salah satu pemangkin yang berupaya melonjak kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Bahagian Perancangan Strategik, KPT dan pasukan penyelidik serta pihak-pihak yang terlibat atas hasil usaha yang amat berharga dalam penghasilan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2023 – 2030 ini. Semoga segala usaha akan dianjari dengan balasan pahala dan rahmat dari Yang Maha Pencipta.



**Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Pendidikan Tinggi

# **Mutiara Ilham**

## **Ketua Setiausaha**

Kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat pengajian tinggi di negara ini telah diperakui dan dilaksanakan sejak sekian lama bermula pada tahun 1970. Sejak tahun 2011 sehingga 2020 juga beberapa buah pelan tindakan bagi tujuan memartabatkan bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah dikemukakan. Menerusi audit bahasa Melayu di enam buah IPT pada tahun 2014, gambaran umum berkaitan kedudukan semasa bahasa Melayu di Universiti Awam Malaysia dalam aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan berjaya diperoleh.

Pelbagai input penting hasil daripada sesi pengauditan dan sesi bersama pihak yang berkepentingan telah dimanfaatkan oleh Kementerian dalam rangka penjenamaan semula Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (UA) bagi tempoh 2016-2020. Hasilnya, sebuah pelan baharu berjaya dikemukakan, iaitu Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) (2023-2030).

Pelan baharu ini menggariskan empat objektif utama, iaitu membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, menghasilkan graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu, merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara, dan memperkuuh peranan bahasa Melayu sebagai sumber rujukan setanding dengan bahasa asing.

Saya dengan penuh yakin dan percaya bahawa penjenamaan semula pelan ini mampu menggerakkan usaha yang lebih efektif dan bermakna dalam memartabatkan bahasa Melayu, baik di dalam negara maupun di peringkat global. Setinggi-tinggi tahniah kepada Bahagian Perancangan Strategik, KPT serta kumpulan penyelidik atas kegigihan dan kejayaan dalam pembentukan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPTA (2023-2030).



**Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Pendidikan Tinggi**



Jurugambar Izuddin Helmi Adnan  
(Menara Kuala Lumpur, Malaysia)

# KANDUNGAN

## ISI



MUTIARA ILHAM	i-ii
PENGENALAN	15
LATAR BELAKANG DASAR PENDIDIKAN	19
PERKEMBANGAN DASAR PENDIDIKAN	22
ISU DAN CABARAN	25
VISI DAN ASPIRASI	31
MATLAMAT DAN OBJEKTIF PELAN TINDAKAN	35
TERAS PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA 2023 - 2030	45
TERAS 1 Pembudayaan bahasa Melayu dalam pengajaran, pembelajaran dan aktiviti kokurikulum	47
TERAS 2 Pemerkayaan bahasa dan persuratan Melayu di IPTA dan antarabangsa	61
TERAS 3 Pengukuhan bahasa Melayu di IPTA sebagai wadah pembangunan negara	77
TERAS 4 Pemerksaan IPTA dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Ilmu	87
RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPTA	99
KESIMPULAN	105
PENGHARGAAN	107
INDEKS DAN GLOSARI	113



Jurugambar Geraldine Ng  
(BookXcess Gurney Paragon, Pulau Pinang)



# **PENGENALAN**

---

**MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA**

# PENGENALAN

## PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) bertujuan untuk menyatukan rakyat Malaysia menerusi bahasa dan seterusnya menyokong matlamat pembangunan dan perpaduan negara. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu secara rasminya diisyiharkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Akta ini memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi tujuan rasmi, khususnya dalam urusan rasmi negara. Urusan rasmi ini termasuklah urusan pemerintahan dan pentadbiran, sistem pendidikan, perjanjian dan mesyuarat dan penganjuran majlis rasmi.

Dalam sistem Pendidikan, taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi semua tahap pendidikan telah menyediakan ruang yang cukup luas untuk bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa ilmu yang mantap. Dua ciri penting yang perlu ada ialah keintelektualan dan kesempurnaan. Bahasa Melayu memiliki kedua-dua ciri tersebut dan hakikatnya bahasa Melayu sudah berada pada landasan yang tepat menuju kesempurnaan sebagai bahasa ilmu moden. Namun, bahasa Melayu dilihat semakin terpinggir pada hari ini. Fenomena globalisasi dan perebutan peluang ekonomi di persada antarabangsa telah menjadikan kedudukan bahasa Inggeris semakin kukuh. Melihatkan fenomena ini, maka wajarlah Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA digubal agar martabat dan kedudukan bahasa Melayu dikekalkan di negara ini.



# PENGENALAN

## PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

Pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT (2011-2015) oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 27 Oktober 2011 merupakan satu langkah penting bagi mengukuhkan bahasa Melayu dalam konteks pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan di peringkat pengajian tinggi. Perkara ini dilaksanakan bagi memantapkan dan meningkatkan peranan serta fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Justeru, pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA (2023-2030) ini seiring dengan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dengan itu, wujud kesinambungan dari peringkat pendidikan asas sehingga ke peringkat pengajian tinggi dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Pelan Tindakan ini pada umumnya mengemukakan empat teras, iaitu:

- i. Pembudayaan bahasa Melayu dalam pengajaran, pembelajaran, dan aktiviti kokurikulum
- ii. Pemerkayaan bahasa dan persuratan Melayu di IPTA dan antarabangsa
- iii. Pengukuhan bahasa Melayu di IPTA sebagai wadah pembangunan negara
- iv. Pemerkasaan IPTA dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu.



Jurugambar Le Yein  
(Kuala Lumpur, Malaysia)

# LATAR BELAKANG DASAR PENDIDIKAN

---

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA



# LATAR BELAKANG DASAR PENDIDIKAN


Bahasa dan pendidikan merupakan dua entiti yang penting dalam pembentukan negara bangsa. Kedua-dua entiti ini berupaya memperkuuh jati diri dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat. Sebagai ejen perpaduan, bahasa amat penting dalam menjamin keutuhan perpaduan, terutama dalam negara berbilang kaum untuk membina bangsa Malaysia. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, secara jelas menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Bagi membolehkan perpaduan kaum dicapai secara menyeluruh maka bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Melayu kemudiannya dijadikan mata pelajaran wajib dalam kurikulum di semua peringkat sekolah. Lanjutan daripada itu, pelbagai akta digubal agar bahasa Melayu dipelihara, dibina, dikembang, dipupuk dan dibudayakan penggunaannya dalam segenap bidang, khususnya menerusi sistem pendidikan negara.



Jurugambar CEphoto, Uwe Aranas  
(Kementerian Pendidikan Malaysia)

# PERKEMBANGAN DASAR PENDIDIKAN

Pemerkasaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan mula diberikan penekanan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Akta 213) 1959. Penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) pula mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Pengisytiharan bahasa ini diperkuatkkan lagi dengan perwartaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Kedua-dua akta ini menetapkan bahasa pengantar utama dan bahasa pengajian ialah bahasa kebangsaan (bahasa Melayu). Lanjutan daripada itu, bagi memantapkan peranan bahasa Melayu selaras dengan perkembangan pendidikan tinggi semasa, pelbagai pelan dan dasar telah digubal dan dilaksanakan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuuh Bahasa Inggeris (2014), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016-2020, Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat) dan Pelan Strategik Dewan Bahasa dan Pustaka 2021-2025 merupakan pelan dan dasar yang telah dibangunkan untuk memupuk, memperluas dan membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPTA.



# RINGKASAN PERANAN DAN KEUTAMAAN BAHASA MENGIKUT PELAKSANAAN AKTA , DASAR DAN PELAN TINDAKAN

Berikut ialah ringkasan peranan dan keutamaan bahasa mengikut pelaksanaan Akta, Dasar dan Pelan Tindakan dalam sistem pendidikan di Malaysia semenjak tahun 1957:

Akta/Dasar	Peruntukan berkenaan Bahasa	BM	BM & BI
<b>Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152</b>	Perkara 152 menetapkan bahawa bahasa Melayu yang dikenali juga sebagai bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai bahasa kebangsaan.	✓	
<b>Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32)</b>	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.	✓	
<b>Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)</b>	Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara dan mata pelajaran teras.	✓	
<b>Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555)</b>	Mengawal selia hal ehwal penubuhan, pendaftaran, pengurusan (penawaran kursus, tenaga pengajar dan sebagainya), termasuklah kuasa menetapkan kursus pengajian dijalankan dengan menggunakan bahasa kebangsaan.	✓	
<b>Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Akta 213)</b>	Menubuhkan suatu badan yang menggalakkan perkembangan bahasa dan kesusastraan di Malaysia.	✓	
<b>Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat) (2017)</b>	Mengangkat bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama peringkat rendah dan menengah.	✓	
<b>Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)</b>	Menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa.	✓	
<b>Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuuh Bahasa Inggeris (2014)</b>	Mewujudkan masyarakat yang menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara.	✓	
<b>Pelan Strategik Dewan Bahasa dan Pustaka 2021-2025</b>	Mengindustrikan dan melestarikan bahasa dan persuratan Melayu.	✓	
<b>Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di Universiti Awam 2016-2020</b>	Menyediakan langkah strategik dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Universiti Awam.	✓	
<b>Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)</b>	Memastikan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bagi setiap pelajar.	✓	



Jurugambar S. Ratanak  
(Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Malaysia)

# **ISU DAN CABARAN**

---

**MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA**

# **ISU DAN CABARAN**

## **MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA**

Maklum balas daripada sesi yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan mendedahkan pelbagai senario, isu dan cabaran serta memberikan input yang lebih mendalam untuk menambah baik Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu di IPTA (PTMBM) . Aspirasi, strategi serta inisiatif yang digariskan dalam PTMBM ini digubal untuk mengatasi segala cabaran mendatang. Isu dan cabaran yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

**1**

**Kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu**

**2**

**Penerbitan ilmiah dalam bahasa Melayu yang terbatas**

**3**

**Perkembangan teknologi maklumat**

**4**

**Penggunaan bahasa yang dicampuradukkan dalam kehidupan seharian**


## 1 | Kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

Isu dan cabaran pertama ialah kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Isu ini menjadi cabaran utama kerana wujud ketidakyakinan masyarakat Malaysia terhadap wibawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan. Hal ini dapat dilihat apabila berlakunya perubahan dasar yang melibatkan perubahan dalam bahasa pengantar daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris di IPTA. Faktor utama yang mendorong perubahan ini sering kali dikaitkan dengan usaha untuk mempercepat kemajuan dalam bidang sains dan teknologi negara khususnya pada zaman globalisasi ini. Justeru, penekanan kepada bahasa Inggeris telah diberikan dalam sistem pendidikan tinggi negara. Keadaan ini seolah-olah menggambarkan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjalankan fungsinya sebagai bahasa pengantar.

Masyarakat Malaysia perlu mengubah tanggapan ini dengan meletakkan keyakinan terhadap kemampuan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara. Hasrat memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu adalah penting kerana usaha ini akan dapat menyatupadukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dengan sokongan penuh masyarakat di negara ini, bahasa Melayu mampu berkembang maju sebagai medium utama di semua peringkat pendidikan.

**"Ketidakyakinan** terhadap wibawa bahasa Melayu ini telah menyebabkan IPT mulai secara beransur-ansur menggunakan bahasa Inggeris dalam beberapa disiplin ilmu di universiti (Kamal, 2007)".

**"Kekurangan istilah, perubahan istilah,** ketidakselarasan ejaan dalam beberapa perkara tertentu serta aspek tatabahasa dianggap sebagai faktor yang menjejaskan wibawa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (Awang, 1996)".




Sumber: . Aziz, H. A. dan Mansor, N. R. (2013)

## 2 | Penerbitan ilmiah dalam bahasa Melayu yang terbatas

Penerbitan ilmiah berbahasa Melayu yang dihasilkan oleh ahli akademik adalah agak terbatas. Hal ini berlaku kerana penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu tidak mempunyai faktor penggalak yang memberangsangkan. Kebanyakan IPTA menekankan agar ahli akademik menerbitkan hasil kajian mereka dalam jurnal berimpak tinggi. Perkara ini selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2005) yang memberi penekanan agar setiap pensyarah menuis hasil kajian dalam jurnal berimpak tinggi. Jurnal berimpak tinggi majoritinya merupakan jurnal antarabangsa yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Kesannya, majoriti ahli akademik di IPTA menuis dalam bahasa Inggeris, termasuk mereka yang mempunyai kepakaran khusus dalam linguistik, budaya atau kesusastraan Melayu. Perkara ini telah membataskan penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu.

Hal ini dibuktikan menerusi kajian oleh Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015) terhadap bahasa penyampaian yang digunakan dalam penerbitan buku, artikel prosiding dan artikel jurnal. Daripada 13 bidang yang diteliti, hanya bidang Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa yang seimbang bahasa penyampaian antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Bidang-bidang lain menunjukkan bahasa Inggeris mendominasi penulisan ilmiah berbanding bahasa Melayu terutama bidang sains dan teknologi.

**Statistik Penerbitan Ilmiah dalam Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris, 2015**



### PETUNJUK

- ❖ bahasa Melayu
- ❖ bahasa Inggeris

Sumber: Noraien Mansor dan Noor Rohaz Mansor (2015). Penerbitan Ilmiah bahasa Melayu dalam Kalangan Ilmuwan Negara. *Journal of Business and Social Development*. Vol. 3, 25-32.

### 3 | Perkembangan teknologi maklumat

Perkembangan dan kemajuan teknologi telah membolehkan penyebaran maklumat menerusi akses terbuka. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pilihan bagi penyebaran maklumat dalam akses terbuka secara tidak langsung telah menjadikan bahasa ini medium komunikasi utama dunia. Keadaan ini juga telah menyebabkan banyak bahasa ibunda lain, termasuk bahasa Melayu semakin kurang digunakan walaupun dalam kalangan penutur jatinya pada era teknologi maklumat kini.

Kajian yang dilakukan dengan menggunakan carian “bahasa Melayu” menerusi enjin pencarian Google telah mendapati bahan ilmiah dalam bahasa Melayu sehingga Mei 2018 sebanyak 11,500,000 sahaja (Norazlina Mohd Kiram, 2018). Kajian ini yang memfokuskan kepada bahan prosiding artikel, kertas kerja, tesis dan buku menunjukkan bahawa kurangnya bahan ilmiah dalam bahasa Melayu yang dapat dicapai oleh pengguna di dalam atau di luar negara. Oleh yang demikian, akses terbuka sebagai wadah penyebaran maklumat dalam bahasa Melayu masih tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Hal ini secara tidak langsung membataskan bahan dalam bahasa Melayu untuk tujuan penyelidikan dan rujukan.



Jurugambar Paweł Szymankiewicz  
(Petronas Twin Tower, Kuala Lumpur, Malaysia)

Fenomena mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Malaysia kini. Kerancuan bahasa ini begitu berleluasa bukan sahaja dalam pertuturan malahan dalam penulisan. Akibat daripada kebiasaan ini, penguasaan bahasa seseorang menjadi semakin merosot. Kajian-kajian lepas mendapati faktor mahasiswa kurang menguasai bahasa Melayu adalah disebabkan kebiasaan mereka menggunakan pelbagai bahasa seperti bahasa pasar, dialek dan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian (Roslan, 2017).

Kajian oleh Tohar, Halim dan Samsu (2017) juga mendapati tahap kefasihan dan pengiktirafan mahasiswa IPT terhadap bahasa Melayu adalah tinggi, namun tahap keupayaan menggunakan bahasa Melayu adalah sederhana. Selain itu, kecenderungan menggunakan singkatan dan mencampuradukkan bahasa dalam penggunaan aplikasi peranti canggih (Ramlee, 2017) terutamanya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris turut menjelaskan kemahiran bahasa mahasiswa. Menurut Md. Idris (2013) pendampingan yang rapat dengan komputer dan internet telah menyebabkan banyak perkataan baharu meresap masuk tanpa ditapis atau dihalusi terlebih dahulu sehinggaakan bidang pendidikan turut disaluti dengan perantaraan media baharu, iaitu bahasa Inggeris. Ini telah mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu yang dicampuradukkan dengan bahasa lain secara berleluasa di negara ini.



Jurugambar Muhammad Faiz Zulkiflee  
Universiti Malaya Jalan Universiti (UM)

# **L**VISI DAN ASPIRASI


---

**MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA**

# VISI

## PELAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA (2023 – 2030) (PTMBM) bertujuan untuk menyusun strategi ke arah pelaksanaan pemartabatan bahasa Melayu di IPTA. Pelan Tindakan ini bertujuan memupuk amalan penggunaan bahasa Melayu, memartabatkan dan mengukuhkan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta penerbitan di IPTA serta mendukung aspirasi kementerian untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam usaha bagi menggalakkan ahli akademik, mahasiswa dan warga IPTA untuk memperkaya serta memperluas penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu. PTMBM 2023-2030 memainkan peranan penting dalam memastikan IPTA menyumbang secara langsung ke arah pencapaian objektif teras pelan tindakan.



Jurugambar Rizky Arief  
(Kuala Lumpur, Malaysia)

# ASPIRASI

Aspirasi PTMBM 2023 – 2030 ini mendukung visi untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPTA (PTMBM) secara komprehensif dan holistik dalam usaha menjadikan Malaysia negara yang mempunyai masyarakat berilmu dan beridentiti nasional. Perkembangan penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara dapat dilihat melalui akta dan dasar yang telah digubal seperti berikut:

Akta/ Dasar	Peruntukan berkenaan bahasa
Perlembagaan Persekutuan 1957/1963	Perkara 152 memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia adalah bahasa Melayu
Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32)	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi
Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)	Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara dan mata pelajaran teras
Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555)	Mengawal selia hal ehwal penubuhan, pendaftaran, pengurusan (penawaran kursus, tenaga pengajar dan sebagainya), termasuklah kuasa menetapkan kursus pengajian yang menggunakan bahasa kebangsaan
Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Akta 213)	Untuk penubuhan suatu Lembaga yang menggalakkan perkembangan bahasa dan kesasteraan di Malaysia
Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat)	Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama peringkat rendah dan menengah.
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)	Menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa.
Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuuh Bahasa Inggeris (2014)	Untuk mewujudkan masyarakat yang menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara
Pelan Strategik Dewan Bahasa dan Pustaka 2021-2025	Untuk mengindustrikan dan melestarikan bahasa dan persuratan Melayu
Pelan Strategik Pengajian Tinggi (2020)	Program seperti kemahiran berkomunikasi dan penguasaan bahasa Inggeris di bawah program pembangunan insaniah, pendedahan kepada bidang keusahawanan dan pembentukan keterampilan serta keperibadian
Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016-2020	Menyediakan langkah strategik dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Universiti Awam



Jurugambar Izuddin Helmi Adnan  
(Menara Kuala Lumpur, Malaysia)

# MATLAMAT DAN OBJEKTIF PELAN TINDAKAN

---

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

# **MATLAMAT PELAN TINDAKAN**

## **“Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA”**

IPTA merupakan institusi yang menghasilkan ramai cendekiawan yang bakal menjadi pemangkin dalam pembangunan teknologi dan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA (2023-2030) (PTMBM) penting sebagai satu bentuk hala tuju perkembangan bidang ilmu dalam bahasa Melayu di samping bahasa Inggeris selaras dengan permintaan, perkembangan dan rekayasa bidang sains dan teknologi.

Usaha memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang kekal relevan sentiasa dikaji secara berkala dan dikemas kini bagi menangani isu dan cabaran semasa. Justeru itu, Pelan Tindakan ini digubal untuk memperkasakan pelaksanaan agenda pemartabatan bahasa Melayu di IPTA. PTMBM juga akan dapat memupuk pemikiran dan kemahiran berbahasa Melayu yang baik dalam kalangan pelajar dan kakitangan IPTA di samping memiliki perasaan bangga terhadap bahasa kebangsaan. Teras, strategi dan inisiatif pelaksanaan yang dirangka mampu memastikan kejayaan Pelan ini dengan komitmen semua pihak.

# OBJEKTIF PELAN TINDAKAN

1

Membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

2

Menghasilkan graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu

3

Merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara

4

Memperkuat peranan bahasa Melayu sebagai sumber rujukan yang setanding dengan bahasa asing



Jurugambar Rafizuddin Razak  
(Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSA), Malaysia)

# OBJEKTIF PELAN TINDAKAN

## MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

1

### Membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memainkan peranan penting dalam menyatupadukan rakyat Malaysia serta menjadi bahasa ilmu dan bahasa pengantar di IPTA. Bahasa ilmu ialah bahasa yang berbudaya, bahasa yang kaya dengan ilmu dan menjadi bahasa pengembang ilmu dalam masyarakat atau bangsanya (Awang Sariyan, 2011). Dengan erti kata yang lain, bahasa ilmu ialah bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan segala bidang ilmu dan kemampuan sesuatu bahasa itu boleh tercapai apabila bahasa tersebut merupakan bahasa terbina (Teo Kok Siong, 2015). Ciri bahasa terbina ialah bahasa yang fleksibel strukturnya dan memiliki kosa kata yang luas dalam kemampuannya untuk menjelaskan pelbagai perkara yang rumit dan sukar dalam pelbagai bidang.

Pembudayaan bahasa Melayu dapat didefinisikan berdasarkan beberapa aspek. Kata pembudayaan terbit daripada kata ‘budaya’ yang bermaksud tamadun atau peradaban. Pembudayaan pula bermaksud proses atau cara melazimkan sesuatu seperti ilmu dan pemikiran sebagai sebahagian daripada amalan hidup. Pembudayaan bahasa Melayu bermaksud mengamalkan ciri-ciri bahasa itu, termasuk aspek nilai budi, kesantunan, dan sistem linguistik bahasa yang berkenaan dalam kehidupan harian yang menjadi asas tamadun bangsa Malaysia. Dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, perancangan dan pembudayaan bahasa perlu dilaksanakan. Perancangan bahasa ialah proses yang dilakukan oleh sesebuah negara untuk menentukan satu sistem bahasa yang mampu digunakan dalam semua bidang terutama dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan ekonomi manakala pembudayaan ialah suatu tindakan atau melakukan sesuatu perkara agar menjadi suatu kebiasaan (Asmah Haji Omar, 1993).



Jurugambar Syafina  
(Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam)

# OBJEKTIF PELAN TINDAKAN

## MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

2

### Menghasilkan graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu

Pemartabatan bahasa kebangsaan menerusi proses pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara penting dalam memastikan asas jati diri, maruah, perasaan kekitaan, semangat perpaduan dan solidariti negara Malaysia dapat dipertingkatkan. Dalam pengajaran dan pembelajaran, empat kemahiran bahasa utama perlu dicapai oleh graduan, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Sebagai graduan, kemahiran asas ini sahaja tidak mencukupi bagi membolehkan mereka menyampaikan maklumat dengan berkesan. Graduan yang cemerlang akademiknya tidak semestinya terampil bahasanya.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa bahasa yang terampil hanya boleh dicapai sekiranya seseorang itu mempraktikkan kemahiran bahasa dalam tempoh masa yang mencukupi. Keterampilan berbahasa ini penting bagi membolehkan seseorang itu menyampaikan sesuatu maklumat dalam bentuk lisan mahupun tulisan secara berkesan, meyakinkan, menggunakan bahasa yang gramatis, yang rapi maknanya dan mematuhi tatabudaya bahasa Melayu. Ini selaras dengan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu pengetahuan yang mencerminkan akal budi bangsa Malaysia.



# OBJEKTIF PELAN TINDAKAN

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

3

## Merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara

Pembangunan ke arah sebuah negara maju memerlukan peningkatan modal insan, kemahiran, kualiti dan produktiviti sesebuah negara. Ia juga melibatkan proses perubahan sosial yang merangkumi kemampuan masyarakat untuk menggerakkan tenaga manusia dan segala sumber produktiviti yang ada secara berterusan.

Objektif Pelan Tindakan ini adalah untuk merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara yang berfokuskan kepada peningkatan jati diri dan tahap penguasaan bahasa Melayu tinggi dalam kalangan pelajar dan kakitangan IPTA. Penekanan penggunaan bahasa Melayu tinggi sebagai wadah utama menerusi strategi dan inisiatif yang telah digarap dengan terperinci dalam Pelan Tindakan ini adalah untuk menaikkan semangat kenegaraan dalam proses pembinaan negara-bangsa Malaysia. Kejayaan meningkatkan jati diri dan tahap penguasaan dalam kalangan pelajar dan kakitangan IPTA akan menjadi penanda aras utama bahasa Melayu dalam pembangunan negara pada masa hadapan.



Jurugambar Meric Dagli  
(Kuala Lumpur, Malaysia)

# OBJEKTIF PELAN TINDAKAN


## MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

4

### Memperkuuh peranan bahasa Melayu sebagai sumber rujukan yang berkembang setanding dengan bahasa asing

Penerbitan ilmiah merupakan tunjang utama memperkuuh peranan bahasa Melayu sebagai sumber rujukan antarabangsa. Ia tidak terbatas kepada artikel, jurnal, buku dan laporan penyelidikan tetapi turut melibatkan penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran, penulisan dalam majalah, dan akhbar. Penghasilan istilah, kamus, ensiklopedia, bahan rujukan bahasa dan persuratan Melayu juga perlu diperbanyak dan dipelbagaikan melalui peningkatan kuantiti dan kualiti kandungan bahan-bahannya. Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu perlu disebar luas melalui penggunaan teknologi terkini. Kaedah ini mampu mengangkat bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu yang harus diguna pakai dalam sistem pendidikan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Bagi menjayakan objektif ini, pelbagai kerjasama strategik dan sinergi perlu diusahakan bersama pemegang taruh yang berkepentingan. Antara pemegang taruh penting termasuk pusat penyelidikan, IPTA dan kumpulan pakar daripada pelbagai latar belakang. Pelan Tindakan ini perlu dijadikan agenda nasional bagi memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu dalam penerbitan ilmiah.



Jurugambar Aiman Farhan  
(Klang, Selangor)

# **PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA 2023 - 2030**

---

**MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA**



Jurugambar Amar Syazwan  
(Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak)

# PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA 2023-2030

PTMBM (2023-2030) melibatkan kementerian, jabatan, agensi dan seluruh warga IPTA dalam memenuhi tanggungjawab untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Tempoh pelaksanaan PTMBM (2023-2030) ini mengambil kira keupayaan,kekangan, dan kesediaan IPTA dalam melaksanakan strategi serta inisiatif yang dirancang. Tempoh pelaksanaan yang ditetapkan di bawah PTMBM (2023-2030) adalah seperti berikut:

Jangka Masa Peringkat Pelaksanaan	Tahun
Permulaan	2023-2024
Pengukuhan	2025-2027
Pemartabatan	2028-2030

# **TERAS PELAN TINDAKAN**

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan ini, sejumlah empat (4) teras, sebelas (11) strategi dan dua puluh enam (26) inisiatif pelaksanaan dirangka seperti berikut:



	<b>TERAS 1</b>	<b>PEMBUDAYAAN BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN, PEMBELAJARAN, DAN AKTIVITI KOKURIKULUM</b>	<b>STRATEGI</b> <b>2</b>	<b>INISIATIF PELAKSANAAN</b> <b>8</b>
	<b>TERAS 2</b>	<b>PEMERKAYAAN BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU DI IPTA DAN ANTARABANGSA</b>	<b>STRATEGI</b> <b>3</b>	<b>INISIATIF PELAKSANAAN</b> <b>9</b>
	<b>TERAS 3</b>	<b>PENGUKUHAN BAHASA MELAYU DI IPTA SEBAGAI WADAH PEMBANGUNAN NEGARA</b>	<b>STRATEGI</b> <b>2</b>	<b>INISIATIF PELAKSANAAN</b> <b>4</b>
	<b>TERAS 4</b>	<b>PEMERKASAAN IPTA DALAM PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU</b>	<b>STRATEGI</b> <b>4</b>	<b>INISIATIF PELAKSANAAN</b> <b>5</b>

Teras, strategi dan inisiatif yang dirangka telah mengambil kira pandangan pihak universiti awam, politeknik, kolej komuniti, pengamal industri, pakar dan tokoh bidang bahasa Melayu. Di samping itu, maklum balas melalui kaji selidik yang melibatkan pelajar, pentadbir akademik dan bukan akademik, alumni dan pengamal industri turut diperoleh.



## TERAS 1

**PEMBUDAYAAN BAHASA MELAYU  
DALAM PENGAJARAN, PEMBELAJARAN  
DAN AKTIVITI KOKURIKULUM**

STRATEGI

**2**

INISIATIF  
PELAKSANAAN

**8**

# TERAS 1

## PEMBUDAYAAN BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN AKTIVITI KOKURIKULUM

Agenda pemartabatan bahasa Melayu di IPTA merupakan kesinambungan daripada pelaksanaannya di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Justeru, Teras ini menyasarkan pelajar, pensyarah dan kakitangan bukan akademik agar berketerampilan dalam bahasa Melayu tinggi. Penekanan bukan hanya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran tetapi juga sebagai wadah komunikasi untuk segala jenis urusan rasmi dan tidak rasmi. Selain itu, tumpuan teras ini adalah untuk memastikan keterampilan graduan berbahasa Melayu dari segi pertuturan dan penulisan juga dalam penyelidikan yang seiring dengan pembangunan sosial dan ekonomi negara. Pembentukan strategi dan inisiatif pelaksanaan Teras ini mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu tinggi.



Jurugambar Mikael Kristenson  
(Stockholm, Sweden)



Jurugambar Kenny Eliason  
(Las Vegas, United States)

# KEPENTINGAN DAN OBJEKTIF TERAS 1

Tujuan utama objektif Teras 1 adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai alam Melayu dan kemahiran berbahasa Melayu tinggi dalam kalangan pelajar dan kakitangan IPTA. Teras ini turut memastikan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pemerolehan dan pengembangan ilmu. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum turut bermatlamat untuk memupuk kecemerlangan akademik dan mempertingkatkan keterampilan mahasiswa. Langkah ini bertujuan untuk menggalak, merangsang, dan membolehkan penyatuan masyarakat Malaysia yang majmuk dan negara yang bersatu padu.

Kajian penanda aras di beberapa buah negara terpilih seperti Indonesia, Jepun, dan Jerman membuktikan bahawa pembentukan jati diri bangsa dilaksanakan melalui keterampilan dalam bahasa ibunda. Penglibatan pihak berkepentingan merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan di negara-negara tersebut selain pengiktirafan bahasa ibunda dalam pembangunan modal insan. Oleh itu, langkah meningkatkan kebolehpasaran graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu tinggi dengan kemahiran abad ke-21 adalah pemboleh ubah penting bagi menjamin kesejahteraan ekonomi dan sosial yang berterusan di negara ini.



Jurugambar Prof Dr. Noor Lide Bt Abu Kasim  
(Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak)



## Pembudayaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran, Pembelajaran dan Aktiviti Kokurikulum

### STRATEGI 1.1

Memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam pembelajaran dan pengajaran secara menyeluruh

Strategi 1 memberi fokus kepada penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran dan semua bentuk komunikasi IPTA. Pengajaran dan pembelajaran adalah tunjang kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu kerana ia adalah asas pembentukan insan dan perkembangan ilmu. Strategi ini juga menekankan penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam semua urusan rasmi dan tidak rasmi dalaman IPTA dan juga semua urusan komunikasi dengan pihak yang berkaitan.

Penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam semua disiplin ilmu dan juga bagi semua bentuk komunikasi dalam kalangan warga IPTA diyakini mampu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu tinggi untuk terus berkembang dan mencapai tahap prestasi yang lebih baik. Ini adalah kerana tahap penguasaan sesuatu bahasa pada asasnya adalah berkait rapat dengan amalan penggunaan bahasa tersebut. Untuk mencapai hasrat ini adalah penting agar penggunaan bahasa Melayu tinggi dipupuk secara sistematik dan berkala agar kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu terus mampan melalui pelaksanaan dua (2) inisiatif.

### INISIATIF PELAKSANAAN

- 1.1.1 Pengajaran kursus/subjek wajib IPTA dilaksanakan dalam bahasa Melayu
- 1.1.2 Menawarkan kursus/latihan/modul bahasa Melayu untuk kakitangan (akademik dan bukan akademik)

# S1 – MEMANTAPKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA MENYELURUH.

STRATEGI 1

INISIATIF  
1.1.1



Pengajaran kursus/subjek wajib IPTA dilaksanakan dalam bahasa Melayu

## Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam	1	2	3
Politeknik	1	2	3
Kolej Komuniti	1	2	3

## Agensi Pelaksana

Universiti Awam

: Fakulti atau Pusat Bahasa

Politeknik / Kolej Komuniti

: Bahagian Kurikulum JPPKK

## Penerangan Sasaran

- Setiap IPTA perlu mengenal pasti sekurang-kurangnya 3 subjek wajib IPTA menjelang 2030 yang perlu diajar dalam bahasa Melayu. Contoh subjek wajib IPTA adalah seperti subjek MPU, TITAS ataupun ETNIK.
- Pengajaran kursus wajib IPTA bagi pelajar antarabangsa boleh dilaksanakan dalam bahasa Inggeris manakala, bagi pelajar tempatan wajib dilaksanakan dalam bahasa Melayu.
- Sasaran adalah kumulatif sehingga tahun 2030.

## Justifikasi Inisiatif

- Inisiatif ini adalah wajar setelah mengambil kira kapasiti setiap IPTA yang sudah sedia ada menawarkan kursus wajib dalam bahasa Melayu.
- Kursus/subjek wajib IPTA merujuk kepada subjek universiti kecuali subjek bahasa asing.
- Sasaran telah diturunkan berbanding dengan sasaran pelan tindakan 2016-2020.



## S1 – MEMANTAPKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA MENYELURUH.

STRATEGI 1

INISIATIF  
1.1.2



Menawarkan kursus / latihan / modul bahasa Melayu untuk kakitangan (akademik dan bukan akademik)

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam	1	2	3
Politeknik	1	2	3
Kolej Komuniti	1	2	3

### Agenzia Pelaksana

- Universiti Awam : Pusat bahasa / Pusat Perkembangan Profesional (CPD)  
Politeknik / Kolej Komuniti : Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya JPPKK

### Penerangan Sasaran

- Setiap IPTA perlu membangunkan modul bahasa Melayu setiap tahun untuk kakitangan mengikut sasaran yang ditetapkan (contoh; penyediaan kertas cadangan, surat rasmi, pengucapan awam, minit mesyuarat, dokumen rasmi dan lain-lain).
- Penentuan jumlah jam bagi setiap modul bergantung kepada IPTA.
- Pelaporan akan mengambil kira jumlah kursus latihan dan modul.
- Sasaran adalah kumulatif sehingga tahun 2030.

### Justifikasi Inisiatif

- Pembentukan modul kursus bahasa Melayu bergantung pada setiap IPTA.
- Penawaran kursus bahasa Melayu sebagai langkah memantapkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kakitangan IPTA.



## Pembudayaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran, Pembelajaran dan Aktiviti Kokurikulum

### STRATEGI 1.2

Meningkatkan kebolehpasaran graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu bagi pembangunan sosial dan ekonomi negara

Tumpuan utama strategi ini adalah untuk meningkatkan keterampilan pelajar berbahasa Melayu khususnya dari segi kemahiran lisan dan penulisan. Keterampilan ini menjadi lebih kritikal dan penting dalam usaha menjalankan penyelidikan bagi memenuhi keperluan pembangunan ekonomi dan sosial. Dengan memberi penegasan terhadap penguasaan bahasa Melayu tinggi dalam semua disiplin ilmu, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi boleh diperkasakan di samping memperkuuh kedudukannya sebagai bahasa utama dalam proses pembangunan negara. Dalam usaha ini sebanyak enam (6) inisiatif pelaksanaan telah digariskan.

#### INISIATIF PELAKSANAAN

- 1.2.1 Menawarkan kursus/latihan bahasa Melayu untuk pelajar IPTA
- 1.2.2 Menawarkan mata pelajaran bahasa Melayu oleh IPTA
- 1.2.3 Lulus mata pelajaran bahasa Melayu sebagai syarat graduasi bagi pelajar prasiswazah antarabangsa
- 1.2.4 Menulis projek tahun akhir (FYP)/ laporan latihan jangka masa pendek dalam bahasa Melayu untuk pelajar prasiswazah tempatan IPTA
- 1.2.5 Penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti persatuan dan ko-kurikulum di IPTA (kecuali persatuan bahasa asing)
- 1.2.6 Mengadakan aktiviti / program / pertandingan bahasa Melayu dan kebudayaan melayu di peringkat IPTA

## S2 – MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN YANG BERKETERAMPILAN DALAM BAHASA MELAYU BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA

STRATEGI 2

INISIATIF

1.2.1



Menawarkan kursus / latihan bahasa Melayu kepada pelajar IPTA

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam	1	2	3
Politeknik	1	2	3
Kolej Komuniti	1	2	3

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam : Fakulti, Pusat Bahasa atau Bahagian Pembangunan Pelajar  
Politeknik / Kolej Komuniti : Bahagian Kurikulum, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada bilangan modul/kursus/latihan bahasa Melayu untuk pelajar tempatan dan antarabangsa yang disediakan oleh IPTA setiap tahun.
2. Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti boleh menghadiri mana-mana kursus / latihan bahasa Melayu yang ditawarkan oleh IPTA atau mana-mana organisasi / agensi yang menyediakan latihan / kursus bahasa Melayu yang diiktiraf oleh IPTA berkenaan.
3. Kursus atau latihan boleh ditawarkan IPTA tanpa kredit atau sebagai sebahagian daripada program pembangunan pelajar.
4. Kursus boleh ditawarkan oleh Persatuan, Kelab, Pusat Pembangunan Pelajar.
5. Sasaran adalah kumulatif sehingga tahun 2030.

### Justifikasi Inisiatif

1. Pembentukan modul bahasa Melayu adalah penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu tinggi dalam kalangan pelajar.
2. Pembentukan modul kursus bahasa Melayu adalah bergantung pada setiap IPTA.

## S2 – MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN YANG BERKETERAMPILAN DALAM BAHASA MELAYU BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA

STRATEGI 2

INISIATIF

1.2.2



Menawarkan mata pelajaran wajib bahasa Melayu kepada pelajar IPTA

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam		1	
Politeknik		1	
Kolej Komuniti		1	

### Agensi Pelaksana

- Universiti Awam : Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik/  
Pusat Bahasa/Fakulti  
Politeknik / Kolej Komuniti : Bahagian Kurikulum JPPKK

### Penerangan Sasaran

- Setiap IPTA perlu menawarkan sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran bahasa Melayu (secara berkredit atau tidak berkredit) sebagai syarat graduasi selewat-lewatnya 2030.
- Mata pelajaran bahasa Melayu sedia ada yang telah ditawarkan oleh IPTA boleh diambil kira dalam pelaporan.

### Justifikasi Inisiatif

- Bahasa Melayu sebagai kursus/matapelajaran wajib amat penting bagi memastikan kemahiran penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar dan siswazah. Hal ini sejajar dengan perkembangan bidang ilmu pada peringkat sijil, diploma dan sarjana muda.
- Subjek wajib bahasa Melayu telah ditawarkan di beberapa IPTA dan boleh diperluas ke semua IPTA yang lain.
- Sehingga 2022, 7 daripada 20 UA telah menawarkan bahasa Melayu sebagai subjek wajib sedia ada bagi pelajar tempatan.



## S2 – MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN YANG BERKETERAMPILAN DALAM BAHASA MELAYU BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA

STRATEGI 2

INISIATIF  
1.2.3



Lulus mata pelajaran bahasa Melayu sebagai syarat graduasi bagi pelajar prasiswazah antarabangsa

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam		100%	
Politeknik		Tidak Berkenaan	
Kolej Komuniti		Tidak Berkenaan	

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam : Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik/  
Pusat Bahasa/Fakulti

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada peratusan pelajar antarabangsa yang lulus dalam mata pelajaran bahasa Melayu sebagai syarat graduasi.
2. Setiap IPTA perlu menawarkan sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran bahasa Melayu (secara berkredit atau tidak berkredit) untuk pelajar antarabangsa sebagai syarat graduasi selewat-lewatnya 2030.
3. Bagi IPTA yang tidak mempunyai pelajar antarabangsa, inisiatif ini dikecualikan.

### Justifikasi Inisiatif

1. Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan ke atas pelajar antarabangsa adalah sebagai satu inisiatif memperkenalkan serta menyebarluaskan pengaruh penggunaan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.
2. Sehingga 2022, sebanyak 11 daripada 20 UA telah menawarkan bahasa Melayu sebagai subjek wajib sedia ada bagi pelajar asing.

## S2 – MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN YANG BERKETERAMPILAN DALAM BAHASA MELAYU BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA

STRATEGI 2

**INISIATIF  
1.2.4**



Menulis projek tahun akhir (FYP)/ laporan latihan jangka masa pendek dalam bahasa Melayu untuk pelajar prasiswazah tempatan IPTA

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>	30%	40%	50%
<b>Politeknik</b>	30%	40%	50%
<b>Kolej Komuniti</b>	30%	40%	50%

### Agensi Pelaksana

- Universiti Awam : Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik/  
Pusat Bahasa/Fakulti  
Politeknik / Kolej Komuniti : Bahagian Peperiksaan dan Penilaian JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada peratusan pelajar menulis projek tahun akhir (FYP)/ laporan latihan jangka masa pendek seperti laporan latihan industri dalam bahasa Melayu untuk pelajar prasiswazah.
2. Sasaran merujuk kepada peratus pelajar yang menulis dalam bahasa Melayu berbanding bilangan keseluruhan pelajar IPTA berkenaan.

### Justifikasi Inisiatif

1. Pelajar diberi pilihan untuk penulisan dalam bahasa Melayu terutamanya bagi bidang sains dan teknologi serta teknikal, kecuali bagi program/ bidang bahasa selain bahasa Melayu bagi pelajar prasiswazah.
2. Penulisan projek tahun akhir/ laporan latihan jangka masa pendek dalam bahasa Melayu adalah antara inisiatif asal yang dikekalkan. IPTA disarankan untuk memberi kelonggaran/pilihan kepada pelajar untuk menulis projek tahun akhir/ laporan latihan jangka masa pendek dalam bahasa Melayu dan tidak terhad kepada bahasa Inggeris sahaja.



## S2 – MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN YANG BERKETERAMPILAN DALAM BAHASA MELAYU BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA

STRATEGI 2

INISIATIF  
**1.2.5**



Meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti kokurikulum di IPTA

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>	50%	60%	70%
<b>Politeknik</b>	50%	60%	70%
<b>Kolej Komuniti</b>	50%	60%	70%

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam

: Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar /Bahagian Pembangunan Pelajar

Politeknik / Kolej Komuniti

: Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar JPPKK/Bahagian Pembangunan Pelajar Politeknik dan KK

### Penerangan Sasaran

- Peratus adalah berdasarkan aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh persatuan/kelab dalam bahasa Melayu berbanding jumlah keseluruhan aktiviti di setiap IPTA dalam tempoh setahun.
- Bukti pelaksanaan aktiviti menggunakan bahasa Melayu adalah berdasarkan laporan/minit mesyuarat/ slaid pembentangan aktiviti yang dihantar kepada Bahagian/Unit Hal Ehwal Pelajar.
- Meningkatkan peratusan aktiviti kokurikulum di IPTA dilaksanakan dalam bahasa Melayu kecuali melibatkan persatuan bahasa asing.

### Justifikasi Inisiatif

- Penggunaan bahasa Melayu dalam persatuan adalah satu bentuk kempen mudah dalam memartabatkan bahasa Melayu di IPTA.
- Keterampilan pelajar dalam berbahasa Melayu tinggi dapat dicapai dengan jayanya melalui penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti kokurikulum bagi jangka masa panjang.

## S2 – MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN YANG BERKETERAMPILAN DALAM BAHASA MELAYU BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA

STRATEGI 2

INISIATIF  
**1.2.6**



Mengadakan aktiviti / program / pertandingan bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu di peringkat IPTA

### Sasaran

	<b>2023 - 2024</b>	<b>2025 - 2027</b>	<b>2028 - 2030</b>
<b>Universiti Awam</b>	10	15	20
<b>Politeknik</b>	10	15	20
<b>Kolej Komuniti</b>	10	15	20

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam

: Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar/ Bahagian Pembangunan Pelajar, Fakulti, Persatuan dan Kolej Kediaman

Politeknik / Kolej Komuniti

: Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar JPPKK/ Bahagian Pembangunan Pelajar Politeknik dan KK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran berdasarkan bilangan aktiviti yang dijalankan oleh pihak IPTA dalam tempoh setahun.
2. Aktiviti dan pertandingan bahasa Melayu seperti pidato, syair, pantun, sajak, debat, ceramah, pementasan drama / teater / seminar dan aktiviti lain yang bersesuaian.
3. Bilangan penganjuran aktiviti/pertandingan dalam bahasa Melayu ini boleh dijalankan di peringkat persatuan, kolej kediaman, fakulti, dan universiti.
4. Meningkatkan bilangan aktiviti kokurikulum di IPTA dilaksanakan dalam bahasa Melayu.

### Justifikasi Inisiatif

1. Penganjuran aktiviti dan pertandingan bahasa Melayu seperti pidato, syair, pantun, sajak, debat, ceramah, seminar dan lain-lain adalah satu bentuk kempen mudah dalam memartabatkan bahasa Melayu di IPTA.
2. Keterampilan pelajar dalam berbahasa Melayu tinggi dapat dicapai dengan jayanya melalui penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti kokurikulum bagi jangka masa panjang.





Jurugambar Izuddin Helmi Adnan  
(Petronas Twin Tower, Kuala Lumpur, Malaysia)



## TERAS 2

# PEMERKAYAAN BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU DI IPTA DAN ANTARABANGSA

STRATEGI

**3**

INISIATIF  
PELAKSANAAN

**9**

## TERAS 2

# PEMERKAYAAN BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU DI IPTA DAN ANTARABANGSA



Jurugambar Unit Komunikasi Korporat,  
Kementerian Pendidikan dan Afterschool.my

Teras ini bermanfaat untuk mengingatkan penerbitan ilmiah berbahasa Melayu dalam semua disiplin ilmu. Penerbitan ilmiah merangkumi artikel, jurnal, buku, laporan penyelidikan, bahan pengajaran dan pembelajaran serta penulisan popular. Tumpuan diberikan kepada usaha melengkapkan korpus bahasa Melayu, khususnya bahasa Melayu tinggi. Pembinaan korpus ini dapat direalisasikan dengan menambah jumlah penulis karya-karya ilmiah. Untuk itu, galakan dalam bentuk geran adalah perlu untuk membolehkan lebih banyak ilmu baharu diteroka dan ditulis dalam bahasa Melayu. Di samping itu, anugerah khas juga perlu diwujudkan bagi mengiktiraf peranan IPTA dan ahli akademik yang menyumbang usaha dalam memartabatkan bahasa Melayu.

## KEPENTINGAN DAN OBJEKTIF TERAS 2

Kepentingan Teras 2, iaitu pemerkayaan bahasa dan persuratan Melayu dalam penghasilan bahan ilmiah adalah seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan semasa. Hal ini penting untuk menjadikan bahan ilmiah berbahasa Melayu relevan sebagai bahan rujukan terkini di IPTA. Dengan pemerkayaan ini, kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu di IPTA dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Oleh itu, pelaporan kajian berbahasa Melayu dalam semua bidang sains sosial serta sains dan teknologi perlu dipertingkatkan. Langkah ini bertujuan untuk meluaskan ilmu pengetahuan baharu menerusi ketersediaan bahan rujukan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta penerbitan. Pelaksanaan Pelan Tindakan secara strategik serta menyeluruh adalah penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif dan hala tuju PTMBM.



Jurugambar Prof Dr. Noor Lide Bt Abu Kasim  
(Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak)



## Pemerkayaan Bahasa dan Persuratan Melayu di IPTA dan Antarabangsa

### STRATEGI S2.1

Memperbanyak penerbitan bahan ilmiah dan bilangan penulis dalam bahasa Melayu bagi semua disiplin ilmu

Tumpuan utama strategi ini adalah untuk memperbanyak jumlah penerbitan ilmiah dalam bahasa Melayu dan pada masa yang sama meningkatkan bilangan penulis yang menulis dalam bahasa Melayu bagi semua disiplin ilmu. Pihak IPTA juga boleh menawarkan geran dalaman bagi menghasilkan lebih banyak penerbitan dalam bahasa Melayu. Ini termasuklah kerjasama strategik dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit lain bagi penerbitan buku dan karya kreatif dalam bahasa Melayu. Untuk mencapai strategi ini, empat (4) inisiatif pelaksanaan telah digariskan. Inisiatif Pelaksanaan adalah seperti berikut:

#### INISIATIF PELAKSANAAN

- 2.1.1 Tawaran geran penerbitan dalam bahasa Melayu di peringkat IPTA (geran dalaman)
- 2.1.2 Penghasilan / penerbitan bahan ilmiah / artikel jurnal / buku / suntingan karya terjemahan / karya kreatif dalam bahasa Melayu sebagai salah satu syarat kenaikan pangkat bagi kakitangan akademik tempatan
- 2.1.3 Penerbitan buku / bahan ilmiah / buku umum / karya kreatif dalam bahasa Melayu
- 2.1.4 Meningkatkan bilangan kerjasama strategik / kolaborasi / penyelidikan atau penerbitan dalam bahasa Melayu antara IPTA dengan agensi kerajaan / agensi swasta atau universiti luar negara

## S1 – MEMPERBANYAK PENERBITAN BAHAN ILMIAH DAN BILANGAN PENULIS DALAM BAHASA MELAYU BAGI SEMUA DISIPLIN ILMU

STRATEGI 1

INISIATIF  
2.1.1



Tawaran geran penerbitan dalam bahasa Melayu di peringkat IPTA (geran dalaman)

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>	10%	20%	30%
<b>Politeknik</b>	10%	20%	30%
<b>Kolej Komuniti</b>	10%	20%	30%

### Agenzi Pelaksana

Universiti Awam : Pusat Pengurusan Penyelidikan/Fakulti  
Politeknik / Kolej Komuniti : Pusat Penyelidikan dan Inovasi JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada peratusan daripada keseluruhan nilai geran penerbitan yang ditawarkan oleh setiap IPTA dalam tempoh setahun.
2. Penerbitan bermaksud penerbitan buku/bahan ilmiah/buku umum/karya kreatif dalam bentuk bercetak atau digital.
3. Sasaran adalah bukan secara kumulatif.

### Justifikasi Inisiatif

1. Tawaran geran penerbitan buku/ bahan ilmiah/buku umum/karya kreatif dalam bahasa Melayu merupakan strategi utama yang secara langsung berupaya mempergiat aktiviti penerbitan dan memartabatkan kepakaran ahli akademik dalam pelbagai bidang ilmu.



## S1 – MEMPERBANYAK PENERBITAN BAHAN ILMIAH DAN BILANGAN PENULIS DALAM BAHASA MELAYU BAGI SEMUA DISIPLIN ILMU

STRATEGI 1

INISIATIF  
**2.1.2**



Penghasilan/ penerbitan bahan ilmiah/ artikel jurnal/ buku/ suntingan karya terjemahan / karya kreatif dalam bahasa Melayu sebagai salah satu syarat kenaikan pangkat bagi kakitangan akademik tempatan

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>		1	
<b>Politeknik</b>		1	
<b>Kolej Komuniti</b>		1	

### Agensi Pelaksana

- Universiti Awam : Bahagian Pengurusan Perkhidmatan/Pusat Pembangunan Profesional & Kepimpinan/Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Politeknik / Kolej Komuniti : Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran ialah bilangan penerbitan bahan atau karya untuk permohonan kenaikan pangkat bagi setiap kakitangan akademik.
2. Sasaran adalah syarat minimum permohonan kenaikan pangkat bagi kakitangan akademik IPTA.
3. Merujuk kepada penghasilan/penerbitan bahan ilmiah/penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran/penulisan/artikel dalam majalah, akhbar, buku dan lain-lain.

### Justifikasi Inisiatif

1. Memperkuuhkan kepentingan penerbitan dalam bahasa Melayu agar aspek ini turut diiktiraf sebagai sebahagian daripada Penunjuk Prestasi Utama (KPI) tahunan dan kenaikan pangkat bagi kakitangan akademik IPTA.

## S1 – MEMPERBANYAK PENERBITAN BAHAN ILMIAH DAN BILANGAN PENULIS DALAM BAHASA MELAYU BAGI SEMUA DISIPLIN ILMU

STRATEGI 1

INISIATIF  
2.1.3



Penerbitan buku /bahan ilmiah/buku umum/karya kreatif dalam bahasa Melayu

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam	5	8	10
Politeknik	1	2	3
Kolej Komuniti	1	2	3

### Agenzia Pelaksana

Universiti Awam

: Bahagian Pengurusan Perkhidmatan/Pusat Pembangunan Profesional & Kepimpinan/Pusat Pengurusan Penyelidikan

Politeknik / Kolej Komuniti

: Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada bilangan penerbitan seperti buku, bahan ilmiah, buku umum, karya kreatif dalam bahasa Melayu oleh kakitangan akademik IPTA dalam tempoh setahun.
2. Hasil penerbitan dalam bentuk bercetak/digital dalam bahasa Melayu oleh penerbit tempatan atau antarabangsa.

### Justifikasi Inisiatif

1. Meningkatkan penerbitan dalam bahasa Melayu oleh kakitangan akademik dalam pelbagai bidang ilmu sama ada bercetak atau digital.
2. Mengatasi kekurangan sumber rujukan pelbagai bidang ilmu dalam bahasa Melayu.



## S1 – MEMPERBANYAK PENERBITAN BAHAN ILMIAH DAN BILANGAN PENULIS DALAM BAHASA MELAYU BAGI SEMUA DISIPLIN ILMU

STRATEGI 1

INISIATIF

**2.1.4**



Meningkatkan bilangan kerjasama strategik / kolaborasi / penyelidikan atau penerbitan dalam bahasa Melayu antara IPTA dengan agensi kerajaan / agensi swasta atau universiti luar negara

### Sasaran

	<b>2023 - 2024</b>	<b>2025 - 2027</b>	<b>2028 - 2030</b>
<b>Universiti Awam</b>	2	3	5
<b>Politeknik</b>	1	1	2
<b>Kolej Komuniti</b>	1	1	2

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam

: Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan/  
Pusat Pengurusan Penyelidikan

Politeknik / Kolej Komuniti

: Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Bahagian Kolaborasi Industri  
dan Komuniti , JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada bilangan kerjasama / MOU / MOA / geran penyelidikan / geran perundingan / program mobiliti dalam bahasa Melayu bagi setiap IPTA dalam tempoh setahun.
2. Sasaran adalah bukan secara kumulatif.

### Justifikasi Inisiatif

1. Sasaran ialah usaha untuk memperkenalkan dan memperluaskan ruang lingkup penggunaan bahasa Melayu tinggi sebagai bahasa ilmu dengan kerjasama industri, agensi kerajaan dan swasta.



## Pemerkayaan Bahasa dan Persuratan Melayu di IPTA dan Antarabangsa

### STRATEGI S2.2

Pemantapan korpus (himpunan makalah/ kamus istilah/ tulisan dan lain-lain) dan akses terhadap sumber tersebut

Di bawah strategi ini, tumpuan diberikan kepada langkah untuk melengkapkan bahasa Melayu daripada sudut pembangunan korpus bahasa. Hal ini mencakupi pengumpulan makalah, pembinaan kosa kata umum, istilah, tatabahasa, ejaan dan sebutan. Pembangunan korpus ini penting agar bahasa Melayu mampu berperanan sebagai wahana komunikasi yang cekap dan berkesan dalam konteks pembangunan bangsa dan negara.

Selaras dengan itu, penyediaan platform dan kemudahan untuk mengakses sumber bahasa Melayu sama ada dalam bentuk makalah, kamus istilah, tulisan, dan hasil penerbitan yang lain wajar disediakan dengan meluas. Perbaahan ilmiah dalam talian ini amat penting bagi meningkatkan capaian akses bahan ilmiah berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang untuk dijadikan sumber rujukan di peringkat global. Inisiatif pelaksanaan ini secara amnya akan memberi rangsangan positif terhadap usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPTA melalui peningkatan penerbitan jurnal dan bahan rujukan dalam bentuk bercetak dan digital. Untuk tujuan ini, tiga (3) inisiatif pelaksanaan disediakan.

#### INISIATIF PELAKSANAAN

- 2.2.1 Menaik taraf jurnal tempatan berbahasa Melayu / dwibahasa ke taraf jurnal berindeks
- 2.2.2 Menerbitkan edisi khas berbahasa Melayu di dalam jurnal universiti bagi setiap IPTA pada setiap tahun.
- 2.2.3 Meningkatkan bahan bacaan, koleksi dan bahan ilmiah dalam bahasa Melayu menerusi perpustakaan IPTA secara bercetak dan digital

## S2 – PEMANTAPAN KORPUS DAN AKSES TERHADAP SUMBER TERSEBUT

STRATEGI 2

INISIATIF  
**2.2.1**



Menaik taraf jurnal tempatan berbahasa Melayu/ dwibahasa ke taraf jurnal berindeks

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>	1	2	3
<b>Politeknik</b>		Tidak Berkенаan	
<b>Kolej Komuniti</b>		Tidak Berkenaan	

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam : Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan/  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Fakulti

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk bilangan jurnal berbahasa Melayu / dwibahasa sedia ada yang dinaik taraf oleh setiap IPTA kepada jurnal berindeks (sekurang-kurangnya MyCite).
2. Sasaran adalah secara kumulatif sehingga tahun 2030.

### Justifikasi Inisiatif

1. Menaik taraf status jurnal terbitan IPTA ke taraf jurnal berimpak tinggi sekali gus akan meningkatkan keyakinan terhadap bahasa Melayu secara menyeluruh dan juga merupakan satu strategi ke arah meluaskan pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

## S2 – PEMANTAPAN KORPUS DAN AKSES TERHADAP SUMBER TERSEBUT

STRATEGI 2

INISIATIF  
2.2.2



Menerbitkan edisi khas berbahasa Melayu dalam jurnal universiti bagi setiap IPTA pada setiap tahun.

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam	1	1	1
Politeknik		Tidak Berkenaan	
Kolej Komuniti		Tidak Berkenaan	

### Agenzi Pelaksana

Universiti Awam : Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan/  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Fakulti

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada bilangan edisi khas bahasa Melayu yang diterbitkan oleh setiap IPTA dalam jurnal universiti dalam tempoh setahun.
2. Jurnal universiti merujuk kepada mana-mana jurnal yang diterbitkan oleh universiti berkenaan dalam pelbagai bidang.
3. Sasaran adalah bukan secara kumulatif.

### Justifikasi Inisiatif

1. Jurnal tempatan dalam bahasa Melayu yang diterbitkan sekurang-kurangnya satu kali setahun ialah satu inisiatif pelaksanaan yang mudah dicapai di samping memberi kesan positif terhadap peningkatan bilangan bahan rujukan jurnal ilmiah.



## S2 – PEMANTAPAN KORPUS DAN AKSES TERHADAP SUMBER TERSEBUT

STRATEGI 2

INISIATIF

**2.2.3**



Meningkatkan bahan bacaan, koleksi dan bahan ilmiah bercetak atau digital dalam bahasa Melayu di perpustakaan IPTA

### Sasaran

	<b>2023 - 2024</b>	<b>2025 - 2027</b>	<b>2028 - 2030</b>
<b>Universiti Awam</b>	5%	10%	15%
<b>Politeknik</b>	5%	10%	15%
<b>Kolej Komuniti</b>	5%	10%	15%

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam : Perpustakaan IPTA  
Politeknik / Kolej Komuniti : Perpustakaan Politeknik dan KK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk peratusan bilangan bahan bacaan, koleksi dan bahan ilmiah dalam bahasa Melayu sama ada dalam bentuk bercetak atau digital di perpustakaan IPTA.
2. Sasaran ini adalah secara kumulatif sehingga 2030.

### Justifikasi Inisiatif

1. Inisiatif ini selaras dengan perkembangan teknologi yang memberi keutamaan kepada penerbitan bahan baharu dalam pelbagai bidang dalam bentuk digital.
2. Inisiatif pelaksanaan ini secara amnya akan memberi rangsangan positif terhadap usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPTA melalui peningkatan penerbitan jurnal dan bahan rujukan dalam bentuk bercetak dan digital



## Pemerkayaan Bahasa dan Persuratan Melayu di IPTA dan Antarabangsa

### STRATEGI S2.3

Pengiktirafan dan penganugerahan bagi mempergiat aktiviti kebahasaan, kesusasteraan, penterjemahan, penghasilan karya serta bahan dalam bahasa Melayu di peringkat tempatan dan antarabangsa

Aktiviti berkaitan kebahasaan, kesusasteraan, penterjemahan, penghasilan karya serta bahan dalam bahasa Melayu di peringkat tempatan dan antarabangsa harus dipergiat dalam usaha memperkaya bahasa dan persuratan Melayu di IPTA. Bagi mengiktiraf usaha IPTA dan ahli akademik dalam memartabatkan bahasa Melayu, anugerah khas harus diwujudkan. Penganugerahan ini dapat menggalakkan lebih ramai ahli akademik untuk menghasilkan penyelidikan, penulisan dan penerbitan dalam bahasa Melayu. Untuk tujuan ini, dua (2) inisiatif pelaksanaan disediakan.

#### INISIATIF PELAKSANAAN

- 2.3.1 Penganugerahan bagi IPTA dan ahli akademik yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi
- 2.3.2 Pengiktirafan bagi fakulti dan individu oleh IPTA yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu

### S3 – PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN BAGI MEMPERGIAT AKTIVITI KEBAHASAAN, KESUSASTERAAN, PENTERJEMAHAN, PENGHASILAN KARYA SERTA BAHAN DALAM BAHASA MELAYU DI PERINGKAT TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

STRATEGI 3

INISIATIF  
**2.3.1**



Penganugerahan bagi IPTA dan ahli akademik yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.

#### Sasaran

	<b>2023 - 2024</b>	<b>2025 - 2027</b>	<b>2028 - 2030</b>
<b>Universiti Awam</b>		1 Anugerah setahun	
<b>Politeknik</b>		1 Anugerah setahun	
<b>Kolej Komuniti</b>		1 Anugerah setahun	

#### Agensi Pelaksana

Kementerian Pendidikan Tinggi.

#### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada bilangan anugerah oleh kementerian kepada IPTA dan ahli akademik yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu pada setiap tahun.
2. Anugerah yang diberikan oleh kementerian kepada tokoh bahasa Melayu dan IPTA berdasarkan kepada kriteria penilaian yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

#### Justifikasi Inisiatif

1. Penganugerahan ini dapat menggalakkan lebih ramai ahli akademik untuk menghasilkan penulisan dalam bahasa Melayu.
2. Penganugerahan ini dapat menggalakkan IPTA untuk melaksanakan program dan menggiat aktiviti dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama.

**S3 - PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN BAGI MEMPERGIAT AKTIVITI KEBAHASAAN, KESUSASTERAAN, PENTERJEMAHAN, PENGHASILAN KARYA SERTA BAHAN DALAM BAHASA MELAYU DI PERINGKAT TEMPATAN DAN ANTARABANGSA**

STRATEGI 3

INISIATIF  
**2.3.2**



Pengiktirafan bagi fakulti dan individu oleh IPTA yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>		2 Pengiktirafan setahun	
<b>Politeknik</b>		2 Pengiktirafan setahun	
<b>Kolej Komuniti</b>		2 Pengiktirafan setahun	

### Agenzia Pelaksana

- Universiti Awam : Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan/  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Fakulti  
Politeknik / Kolej Komuniti : Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada bilangan pengiktirafan yang diberikan oleh IPTA setiap tahun kepada ahli akademik yang menyumbang usaha pemartabatan bahasa Melayu.
2. Pengiktirafan boleh diberikan dalam bentuk sijil penghargaan, geran, anugerah dan sebagainya.
3. Pengiktirafan yang diberikan boleh dijadikan salah satu kriteria bagi pencalonan anugerah di peringkat kementerian.

### Justifikasi Inisiatif

1. Pengiktirafan ini dapat menggalakkan lebih ramai ahli akademik di IPTA untuk menghasilkan penulisan dalam bahasa Melayu.
2. Pengiktirafan ini dapat menggalakkan IPTA untuk melaksanakan program dan menggiatkan aktiviti dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama.



Jurugambar Ahmad Nazimuddin  
(Kulliyah of Medicine, IIUM Kuantan, Pahang )



## TERAS 3

# PENGUKUHAN BAHASA MELAYU DI IPTA SEBAGAI WADAH PEMBANGUNAN NEGARA

STRATEGI

**2**

INISIATIF  
PELAKSANAAN

**4**

# TERAS 3

## PENGUKUHAN BAHASA MELAYU DI IPTA SEBAGAI WADAH PEMBANGUNAN NEGARA

Pengukuhan bahasa Melayu penting kerana bahasa merupakan wadah utama dalam proses pembinaan negara-bangsa. Selain itu, bahasa juga mampu menyatupadukan masyarakat majmuk di negara ini. Penguasaan bahasa Melayu yang baik menjadi penanda aras utama bagi kejayaan dalam peningkatan jati diri dan pembinaan negara-bangsa pada masa hadapan.




Jurugambar www.iium.edu.my  
Universiti Islam Antarabangsa, UIAM

## KEPENTINGAN DAN OBJEKTIF TERAS 3

Objektif teras ini adalah untuk memastikan penerokaan ilmu pengetahuan dalam bidang sains sosial atau sains dan teknologi dilakukan dalam bahasa Melayu. Langkah ini dilaksanakan agar penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat Malaysia dapat dilakukan dalam bahasa Melayu supaya mudah difahami.

Pembangunan modal insan yang seimbang merupakan syarat utama untuk pembangunan dan kemajuan sesebuah negara secara mampan. Justeru, penglibatan pihak industri dan badan profesional dalam pelbagai sektor pekerjaan perlu dipertingkatkan bagi memperkasakan bahasa Melayu.



Jurugambar Qaz Farid  
(Kuala Lumpur, Malaysia)



## Pengukuhan Bahasa Melayu di IPTA sebagai Wadah Pembangunan Negara

### STRATEGI S3.1

Memperbanyak penyelidikan berimpak tinggi dalam kalangan ahli akademik

Penghasilan penyelidikan berimpak tinggi dalam bahasa Melayu harus diberikan tumpuan dalam usaha memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPTA. Hasil penyelidikan ini dapat dimanfaat sebagai rujukan bagi tujuan penerbitan, perkongsian pintar dan kolaborasi dengan sektor awam, swasta dan komuniti. Penyelidikan yang berimpak tinggi dapat memperkaya pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu yang penting kepada jati diri dan pembentukan negara-bangsa Malaysia. Untuk tujuan ini, tiga (3) inisiatif pelaksanaan telah dirangka.

### INISIATIF PELAKSANAAN

- 3.1.1 Tawaran geran penyelidikan (geran dalaman) bagi IPTA yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu
- 3.1.2 Mendapatkan penjanaan atau dana penyelidikan/ perundingan/ penerbitan dalam bahasa Melayu daripada industri/ agensi kerajaan/ sektor swasta
- 3.1.3 Menghasilkan abstrak lanjutan/ ringkasan eksekutif/ laporan penyelidikan dalam bahasa Melayu

## S1 – MEMPERBANYAK PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI DALAM KALANGAN AHLI AKADEMIK

STRATEGI 1

INISIATIF

3.1.1



Tawaran geran penyelidikan (geran dalaman) yang dilaksanakan dalam bahasa Melayu

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam	10%	20%	30%
Politeknik	10%	20%	30%
Kolej Komuniti	10%	20%	30%

### Agenzi Pelaksana

- Universiti Awam : Pusat Penyelidikan IPTA dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan  
Politeknik / Kolej Komuniti : Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada peratusan keseluruhan nilai geran dalaman yang ditawarkan oleh setiap IPTA secara tahunan.
2. Laporan kajian disediakan dalam bahasa Melayu.
3. Sasaran adalah bukan secara kumulatif.

### Justifikasi Inisiatif

1. Sasaran ini akan meningkatkan bilangan penyelidikan dan hasil penulisan berimpak tinggi dalam bahasa Melayu.



## S1 – MEMPERBANYAK PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI DALAM KALANGAN AHLI AKADEMIK

STRATEGI 1

INISIATIF

**3.1.2**



Mendapatkan penajaan atau dana penyelidikan / perundingan / penerbitan dalam bahasa Melayu daripada industri / agensi kerajaan / sektor swasta

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam	2	3	5
Politeknik	1	1	2
Kolej Komuniti	1	1	2

### Agensi Pelaksana

- Universiti Awam : Pusat Penyelidikan IPTA dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan  
Politeknik / Kolej Komuniti : Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Tawaran dana atau penajaan menerusi kerjasama dengan industri dan agensi kerajaan yang mengeluarkan geran / peruntukan perundingan. Laporan disediakan dalam bahasa Melayu.
2. Sasaran merujuk bilangan dana atau penajaan setiap tahun yang diterima oleh IPTA.
3. Sasaran adalah bukan secara kumulatif.

### Justifikasi Inisiatif

1. Penawaran geran bagi mengendalikan penyelidikan yang melibatkan pelaporan atau penulisan berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang. Geran yang ditawarkan merupakan satu bentuk sokongan aktif bagi menggalakkan ahli akademik untuk mengusahakan penyelidikan dalam bidang berkaitan dengan pihak industri, agensi kerajaan dan swasta.



## S1 – MEMPERBANYAK PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI DALAM KALANGAN AHLI AKADEMIK

STRATEGI 1

INISIATIF  
**3.1.3**



Menghasilkan abstrak lanjutan / ringkasan eksekutif / laporan penyelidikan dalam bahasa Melayu

### Sasaran

	<b>2023 - 2024</b>	<b>2025 - 2027</b>	<b>2028 - 2030</b>
<b>Universiti Awam</b>	10	15	20
<b>Politeknik</b>	5	7	10
<b>Kolej Komuniti</b>	5	7	10

### Agenzi Pelaksana

Universiti Awam

: Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan Pusat Penyelidikan IPTA

Politeknik / Kolej Komuniti

: Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada jumlah abstrak lanjutan / ringkasan eksekutif / laporan penyelidikan dalam bahasa Melayu oleh setiap IPTA dalam tempoh setahun.

### Justifikasi Inisiatif

1. Inisiatif ini boleh dicapai dengan mengambil kira bilangan penyelidikan yang dikendalikan oleh ahli akademik IPTA.
2. Penghasilan jumlah abstrak lanjutan / ringkasan eksekutif / laporan penyelidikan dalam bahasa Melayu ini diiktiraf selaras dengan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.





## Pengukuhan Bahasa Melayu di IPTA sebagai Wadah Pembangunan Negara

### STRATEGI S3.2

Menambah baik koordinasi, kolaborasi dan sinergi antara IPTA dengan agensi kerajaan, pihak swasta, industri dan komuniti bagi tujuan penyelidikan dalam bahasa Melayu

Hasil penyelidikan dan kajian yang dilakukan oleh pihak IPTA dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan penglibatan agensi kerajaan, pihak swasta dan industri. Koordinasi, kolaborasi dan sinergi antara semua pihak berkepentingan dalam penyelidikan, penerbitan, perkongsian pintar, dan penganjuran aktiviti yang melibatkan komuniti dapat mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara. Untuk tujuan ini, satu (1) inisiatif pelaksanaan disediakan.

### INISIATIF PELAKSANAAN

- 3.2.1 Melaksanakan program dan aktiviti antara IPTA dengan agensi kerajaan, swasta, industri dan komuniti dalam bahasa Melayu.



Jurugambar Rafizuddin Razak  
(Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia)

## S2 – MENAMBAH BAIK KOORDINASI, KOLABORASI ANTARA IPTA DENGAN AGENSI KERAJAAN, PIHK SWASTA, INDUSTRI DAN KOMUNITI BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN DALAM BAHASA MELAYU

STRATEGI 2

INISIATIF

**3.2.1**



Melaksanakan program dan aktiviti antara IPTA dengan agensi kerajaan, swasta, industri dan komuniti dalam bahasa Melayu

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>	10	15	20
<b>Politeknik</b>	5	7	10
<b>Kolej Komuniti</b>	5	7	10

### Agenzi Pelaksana

Universiti Awam

: Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar/Bahagian Pembangunan Pelajar/Fakulti

Politeknik / Kolej Komuniti

: Bahagian Kolaborasi dan Komuniti, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran berdasarkan bilangan aktiviti yang dijalankan dalam bahasa Melayu oleh pihak IPTA dengan sektor awam, swasta, industri dan komuniti pada setiap tahun.
2. Aktiviti dan program boleh dijalankan di peringkat persatuan, kolej kediaman, fakulti dan universiti.
3. Sasaran adalah bukan secara kumulatif.

### Justifikasi Inisiatif

1. Sebagai usaha untuk memperkenalkan serta meluaskan penggunaan dan meningkatkan keyakinan kebolehupayaan bahasa Melayu dalam amalan industri, urusan profesional dan komunikasi harian di seluruh negara melalui pendekatan jaringan program.
2. Cadangan inisiatif ini seiring dengan inisiatif lain yang menyasarkan penggunaan bahasa Melayu tinggi dengan meluas melalui penerapan dan pemerkasaan jati diri komuniti dalam kalangan masyarakat Malaysia.





Jurugambar Nadiya R  
(Sarungan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur)



## TERAS 4

# PEMERKASAAN IPTA DALAM PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU

STRATEGI

**4**

INISIATIF  
PELAKSANAAN

**5**

# TERAS 4

## PEMERKASAAN IPTA DALAM PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU

Kejayaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu (PTMBM) di IPTA bergantung kepada keupayaan IPTA dan agensi-agensi berkaitan untuk melaksanakan Pelan Tindakan ini dengan cekap dan berkesan. Pengurusan strategik yang menyeluruh amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif dan hala tuju strategik PTMBM. Oleh itu, tadbir urus di IPTA perlu diperkuuh dari segi kapasiti teknikal tenaga kerja, penubuhan unit pemantauan, penggalakan penyelidikan, penyediaan pengkalan data dan bahan dalam bahasa Melayu. Teras ini memberi tumpuan kepada rangka pelaksanaan dan pengurusan strategik PTMBM. Ia meliputi proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pelaporan dan penilaian inisiatif-inisiatif yang telah disediakan bagi mencapai matlamat dan objektif PTMBM.



Jurugambar  
Universiti Islam Antarabangsa, UIAM

## KEPENTINGAN DAN OBJEKTIF TERAS 4

Objektif teras ini adalah untuk memastikan semua IPTA dapat menetapkan hala tuju dan pembahagian tugas serta tanggungjawab yang jelas bagi membolehkan interaksi bersinergi antara pihak yang terlibat di dalam perlaksanaan PTMBM. Kepentingan Teras 4, iaitu pemerkasaan IPTA dalam perlaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu adalah untuk memastikan setiap IPTA jelas terhadap tanggungjawab mereka dalam memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan yang lebih menyeluruh dan berkesan. Teras ini bertujuan untuk memandu pihak IPTA dalam memperkuat strategi dan hala tuju mereka bagi mewujudkan ekosistem penggunaan bahasa Melayu yang holistik. Usaha bersepadu antara IPTA dan pemegang taruh yang lain diperlukan dalam menjayakan strategi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPTA.





## Pemerkasaan IPTA dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

### STRATEGI S4.1


Memperkuuh tadbir urus dan keupayaan IPTA untuk melaksanakan pelan tindakan

Pelan strategik dan inisiatif yang mantap dapat membantu IPTA untuk menjajarkan program dengan PTMBM, proses membuat keputusan serta membentuk strategi yang efektif, merancang rangka kerja dengan sistematik dan memantau, mengukur serta menilai pencapaian strategi yang digariskan dalam Pelan Tindakan. Sehubungan itu, dicadangkan penubuhan Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan di kementerian dan di setiap IPTA. Untuk tujuan ini, satu (1) inisiatif pelaksanaan disediakan.

### INISIATIF PELAKSANAAN

- 4.1.1 Menubuhkan Unit Pemantau dan Penguatkuasaan Pelan Tindakan di kementerian dan IPTA untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan.

## S1 – MEMPERKUKUH TADBIR URUS DAN KEUPAYAAN IPTA UNTUK MELAKSANAKAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN



### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
KPT		1 unit	
Universiti Awam		1 unit setiap IPTA	
Politeknik		1 unit setiap IPTA	
Kolej Komuniti		1 unit setiap IPTA	

### Agenzi Pelaksana

Kementerian Pendidikan Tinggi

Universiti Awam

: Naib Canselor/Rektor, Timbalan Naib Canselor

Politeknik / Kolej Komuniti

: JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran adalah menubuhkan Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan di kementerian dan setiap IPTA untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan.
2. Tanggungjawab unit di IPTA adalah untuk memantau pelaksanaan Pelan Tindakan bagi menyediakan laporan berkala kepada pihak kementerian.

### Justifikasi Inisiatif

1. Unit ini akan memantau pelaksanaan Pelan Tindakan di peringkat di IPTA dan ditempatkan di Pejabat Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor/ Pengarah/ Timbalan Pengarah bagi memberi kuasa kepada pihak IPTA dalam melaksanakan pelan tindakan ini.





## Pemerkasaan IPTA dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

### STRATEGI S4.2

Memperkasa kapasiti IPTA untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan penguatkuasaan pelan tindakan

Penyediaan latihan secara berkala kepada kakitangan Unit Pemantauan Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Bahasa Melayu adalah perlu untuk mengukuhkan keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan 2023-2030. Proses pengumpulan maklumat dan penyediaan laporan dapat ditambah baik pada masa hadapan termasuk mengakses data dengan sistem sedia ada di KPT. Untuk tujuan itu, satu (1) inisiatif disediakan.

### INISIATIF PELAKSANAAN

- 4.2.1 Menyediakan latihan kepada kakitangan Unit Pemantauan Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Bahasa Melayu untuk mengukuhkan keberkesanan Pelan Tindakan secara berkala



## S2 – MEMPERKASA KAPASITI IPTA UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PELAN TINDAKAN

STRATEGI 2		Menyediakan latihan kepada kakitangan unit Pemantauan Pelaksanaan dan Penguatkuasaan bahasa Melayu untuk mengukuhkan keberkesanan pelan tindakan secara berkala
INISIATIF 4.2.1		

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
Universiti Awam		1	
Politeknik		1	
Kolej Komuniti		1	

### Agenzi Pelaksana

Universiti Awam : Pejabat Naib Canselor/Rektor/ Bahagian Sumber Manusia UA  
Politeknik / Kolej Komuniti : Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada bilangan latihan setahun kepada kakitangan Unit Pemantauan Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Bahasa Melayu di IPTA.

### Justifikasi Inisiatif

1. Latihan dijalankan dengan bertujuan untuk memberi kefahaman dan kemahiran dalam menyediakan laporan secara berkala bagi tujuan pemantauan pelaksanaan Pelan Tindakan.
2. Penyediaan latihan khusus bagi tujuan pelaporan ini adalah penting bagi memastikan perincian dan pelaporan adalah setara dan berkualiti.





## Pemerkasaan IPTA dalam Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

### STRATEGI S4.3

Membina kapasiti kakitangan dalam menguasai bahasa Melayu

Bagi membina kapasiti kakitangan akademik dan bukan akademik di IPTA, penguasaan bahasa Melayu tinggi perlu diberi keutamaan. Aspek penguasaan bahasa Melayu tinggi perlu dijadikan salah satu syarat bagi pengesahan jawatan kakitangan baharu. Penguasaan bahasa Melayu tinggi ini bukanlah bermakna bahasa Inggeris dan bahasa asing lain dipinggirkan di IPTA sebaliknya menyumbang kepada pemerkayaan ilmu. Untuk tujuan ini, dua (2) inisiatif pelaksanaan telah disediakan.

### INISIATIF PELAKSANAAN

- 4.3.1 Menghadiri kursus / latihan / seminar / persidangan dalam bahasa Melayu sebagai salah satu syarat wajib kenaikan pangkat bagi semua kakitangan IPTA
- 4.3.2 Peratusan kakitangan IPTA menghadiri program latihan bahasa Melayu secara berkala

## S3 – MEMBINA KAPASITI KAKITANGAN DALAM MENGUASAI BAHASA MELAYU

STRATEGI 3

INISIATIF  
**4.3.1**



Menghadiri kursus / latihan / seminar / persidangan dalam bahasa Melayu sebagai salah satu syarat wajib kenaikan pangkat bagi semua kakitangan IPTA

### Sasaran

	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030
<b>Universiti Awam</b>		100%	100%
<b>Politeknik</b>		100%	100%
<b>Kolej Komuniti</b>		100%	100%

### Agenzia Pelaksana

Universiti Awam

: Bahagian Sumber Manusia

Politeknik / Kolej Komuniti

: Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada peratusan kakitangan tempatan di IPTA yang menghadiri kursus/ seminar/ persidangan dalam bahasa Melayu bagi tujuan kenaikan pangkat.

### Justifikasi Inisiatif

1. Meningkatkan jati diri dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kakitangan sebagai salah satu syarat untuk kenaikan pangkat.



## S3 – MEMBINA KAPASITI KAKITANGAN DALAM MENGUASAI BAHASA MELAYU

STRATEGI 3

INISIATIF  
**4.3.2**



Peratusan kakitangan IPTA menghadiri Program latihan bahasa Melayu secara berkala

### Sasaran

	<b>2023 - 2024</b>	<b>2025 - 2027</b>	<b>2028 - 2030</b>
<b>Universiti Awam</b>	30%	50%	100%
<b>Politeknik</b>	30%	50%	100%
<b>Kolej Komuniti</b>	30%	50%	100%

### Agensi Pelaksana

Universiti Awam

: Bahagian Sumber Manusia

Politeknik / Kolej Komuniti

: Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada peratusan berdasarkan bilangan kakitangan di setiap IPTA yang menghadiri program latihan bahasa Melayu.
2. Sasaran adalah secara kumulatif sehingga tahun 2030.

### Justifikasi Inisiatif

1. Penawaran kursus bahasa Melayu sebagai langkah memantapkan penguasaan bahasa Melayu tinggi dalam kalangan kakitangan IPTA.





## Pemerkasaan IPTA dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

### STRATEGI S4.4

Pemantauan berkala terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabat Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu.

Pemantauan berterusan secara berkala sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan sehingga tahun 2030 perlu dilakukan oleh unit khusus yang dibentuk di peringkat kementerian dan IPTA. Oleh itu, penilaian pencapaian sasaran inisiatif pelaksanaan oleh agensi yang bertanggungjawab dapat dilakukan dengan lebih sistematis dan berkesan. Langkah penyelesaian yang sesuai juga boleh diambil dengan segera agar mencapai sasaran yang ditetapkan. Untuk tujuan ini, satu (1) inisiatif pelaksanaan telah digariskan:

#### INISIATIF PELAKSANAAN

- 4.4.1 Pemantauan berkala bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA oleh pihak kementerian

## S4 - PEMANTAUAN BERKALA TERHADAP PELAKSANAAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN DMBM

STRATEGI 4

INISIATIF  
**4.4.1**



Pemantauan berkala bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA oleh pihak kementerian

### Sasaran

**2023 - 2024**

**2025 - 2027**

**2028 - 2030**

**Universiti Awam**

1

**Politeknik**

1

**Kolej Komuniti**

1

### Agensi Pelaksana

Kementerian Pendidikan Tinggi  
Universiti Awam

: Unit Pemantauan Pelaksanaan  
dan Penguatkuasaan bahasa Melayu di IPTA

Politeknik / Kolej Komuniti

: JPPKK

### Penerangan Sasaran

1. Sasaran merujuk kepada penyerahan laporan oleh IPTA kepada Kementerian yang perlu dilakukan pada bulan Oktober setiap tahun.

### Justifikasi Inisiatif

1. Penyerahan laporan kepada pihak kementerian penting bagi memastikan kualiti pengumpulan data dan pelaksanaan pelan tindakan.



# **RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN**

**Memartabatkan Bahasa Melayu  
sebagai Bahasa Ilmu di IPTA**

# RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN TERAS 1

TERAS 1 - Pembudayaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran, Pembelajaran, dan Aktiviti Kokurikulum

INISIATIF PELAKSANAAN	SASARAN								
	UNIVERSITI AWAM			POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030
<b>STRATEGI 1 – Memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam Pembelajaran dan Pengajaran secara menyeluruh</b>									
1.1.1 Pengajaran kursus/subjek wajib IPTA dilaksanakan dalam bahasa Melayu	1	2	3	1	2	3	1	2	3
1.1.2 Menawarkan kursus latihan / modul bahasa Melayu untuk kakitangan (akademik dan bukan akademik)	1	2	3	1	2	3	1	2	3
<b>STRATEGI 2 – Meningkatkan kebolehpasaran graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu tinggi bagi pembangunan sosial dan ekonomi negara</b>									
1.2.1 Menawarkan kursus / latihan bahasa Melayu untuk pelajar IPTA	1	2	3	1	2	3	1	2	3
1.2.2 Menawarkan mata pelajaran bahasa Melayu oleh IPTA	1			1			1		
1.2.3 Lulus mata pelajaran bahasa Melayu sebagai syarat graduasi bagi pelajar prasiswazah antarabangsa	100%			Tidak Berkenaan			Tidak Berkenaan		
1.2.4 Menulis projek tahun akhir (FYP)/ laporan latihan jangka masa pendek dalam bahasa Melayu untuk pelajar prasiswazah tempatan IPTA	30%	40%	50%	30%	40%	50%	30%	40%	50%
1.2.5 Penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti persatuan dan kokurikulum di IPTA (kecuali persatuan bahasa asing)	50%	60%	70%	70%	80%	100%	70%	80%	100%
1.2.6 Mengadakan aktiviti / program / pertandingan bahasa Melayu atau kebudayaan Melayu di peringkat IPTA	10	15	20	10	15	20	10	15	20

# RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN TERAS 2

## TERAS 2 - Pemerkayaan Bahasa dan persuratan Melayu di IPTA dan Antarabangsa

INISIATIF PELAKSANAAN	SASARAN									
	UNIVERSITI AWAM			POLITEKNIK		KOLEJ KOMUNITI				
	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030	2023 - 2024	2025 - 2027	2028 - 2030	
<b>STRATEGI 1 – Memperbanyak penerbitan bahan ilmiah dan bilangan penulis bahasa Melayu bagi semua disiplin ilmu</b>										
2.1.1. Tawaran geran penerbitan dalam bahasa Melayu di peringkat IPTA	10%	20%	30%	10%	20%	30%	10%	20%	30%	
2.1.2 Penghasilan/ penerbitan bahan ilmiah/ artikel jurnal/ buku/ suntingan karya terjemahan / karya kreatif dalam bahasa Melayu sebagai salah satu syarat kenaikan pangkat staf akademik tempatan	1			1			1			
2.1.3 Bilangan penerbitan buku/ bahan ilmiah/ buku umum/ karya kreatif dalam bahasa Melayu (jumlah buku) dan penterjemahan buku ke dalam bahasa Melayu antara IPTA dengan DBP, ITBM dan penerbit lain.	5	8	10	1	2	3	1	2	3	
2.1.4 Meningkatkan bilangan kerjasama strategik / kolaborasi / penyelidikan atau penerbitan dalam bahasa Melayu antara IPTA dengan agensi dan universiti luar negara.	2	3	5	1	1	2	1	1	2	
<b>STRATEGI 2 – Pemantapan korpus (himpunan makalah/ kamus istilah / tulisan, dan lain-lain) dan akses terhadap sumber tersebut</b>										
2.2.1 Menaik taraf jurnal tempatan berbahasa Melayu / dwibahasa ke taraf jurnal berindeks.	1	2	3	Tidak Berkenaan			Tidak Berkenaan		Tidak Berkenaan	
2.2.2 Menerbitkan edisi khas bahasa Melayu dalam jurnal universiti bagi setiap IPTA pada setiap tahun.	1	1	1	Tidak Berkenaan			Tidak Berkenaan			
2.2.3 Meningkatkan bahan bacaan, koleksi dan bahan ilmiah dalam bahasa Melayu menerusi perpustakaan IPTA secara bercetak dan digital.	10%	20%	30%	10%	20%	30%	10%	20%	30%	
<b>STRATEGI 3 – Pengiktirafan dan penganugerahan bagi mempergiat aktiviti kebahasaan, kesusastraan, penterjemahan, penghasilan karya serta bahan dalam bahasa Melayu di peringkat tempatan dan antarabangsa</b>									Tidak Berkenaan	
2.3.1. Penganugerahan bagi IPTA dan ahli akademik yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi	1			1			1			
2.3.2 Pengiktirafan bagi fakulti dan individu oleh IPTA yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu	2			2			2			

# RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN TERAS 3

TERAS 3 - Pengukuhan Bahasa Melayu di IPTA sebagai Wadah Pembangunan Negara

INISIATIF PELAKSANAAN	SASARAN								
	UNIVERSITI AWAM			POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030
<b>STRATEGI 1 - Memperbanyak penyelidikan berimpak tinggi dalam kalangan ahli akademik</b>									
3.1.1 Tawaran geran penyelidikan (geran dalaman) bagi IPTA yang menjayakan usaha memartabatkan bahasa Melayu	10%	20%	30%	10%	20%	30%	10%	20%	30%
3.1.2 Mendapatkan penajaan atau dana penyelidikan / perundingan /penerbitan dalam bahasa Melayu daripada industri / agensi kerajaan / dan sektor swasta	2	3	5	1	1	2	1	1	2
3.3.3 Menghasilkan abstrak lanjutan / ringkasan eksekutif / laporan penyelidikan dalam bahasa Melayu	10	15	20	5	7	10	5	7	10
<b>STRATEGI 2 – Menambahbaik koordinasi, kolaborasi dan sinergi di antara IPTA, agensi kerajaan, pihak swasta industri, dan komuniti bagi tujuan penyelidikan dalam bahasa Melayu</b>									
3.2.1 Melaksanakan program dan aktiviti antara IPTA dengan sektor awam, swasta, industri dan komuniti dalam bahasa Melayu	2	3	5	2	3	5	2	3	5

# RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN TERAS 4

TERAS 4 - Pemerkasaan IPTA dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu

INISIATIF PELAKSANAAN	SASARAN							
	UNIVERSITI AWAM			POLITEKNIK		KOLEJ KOMUNITI		
	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030	2023 -2024	2025 -2027	2028 -2030	2023 -2024	2025 -2027
<b>STRATEGI 1 – Memperkuuh tadbir urus dan keupayaan IPTA untuk melaksanakan pelan tindakan</b>								
4.1.1 Menubuhkan Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan Pelan Tindakan di kementerian dan IPTA untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan	1 di KPT dan 1 di setiap IPTA							
<b>STRATEGI 2 – Memperkasa kapasiti IPTA untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan penguatkuasaan pelan tindakan</b>								
4.2.1 Menyediakan latihan kepada kakitangan Unit Pemantauan Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Bahasa Melayu untuk mengukuhkan keberkesanan Pelan Tindakan secara berkala	1		1		1			
<b>STRATEGI 3 - Membina kapasiti kakitangan dalam menguasai bahasa Melayu</b>								
4.3.1 Menghadiri kursus / latihan / seminar / persidangan dalam bahasa Melayu sebagai salah satu syarat wajib kenaikan pangkat bagi semua kakitangan IPTA		100%	100%		100%	100%		100%
4.3.2 Peratusan kakitangan IPTA menghadiri program latihan bahasa Melayu secara berkala	30%	50%	100 %	30%	50%	100 %	30%	50%
<b>STRATEGI 4 - Pemantauan berkala terhadap pelaksanaan Pelan tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu.</b>								
4.4.1 Pemantauan berkala bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu di IPTA oleh pihak kementerian	1		1		1			



Jurugambar Ejat Darus  
(Banunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur)

# KESIMPULAN

---

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA

# KESIMPULAN

Menjadi hasrat kementerian agar *Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA* mampu melonjakkan tahap penguasaan bahasa Melayu tinggi dalam kalangan pelajar dan kakitangan IPTA. Pelan Tindakan ini sekaligus meletakkan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara tanpa mengetepikan penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa utama yang lain. Pada masa yang sama, PTMBM ini menanam kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar dan kakitangan IPTA. Teras, strategi dan inisiatif pelaksanaan yang dibentuk mampu memastikan hasrat ini dapat dicapai dengan jayanya melalui komitmen semua pihak.



Muhammad Faiz Zulkflee  
(Universiti Malaysia, Selangor)

# PENGHARGAAN

---

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
SEBAGAI BAHASA ILMU DI IPTA



Jurugambar Ahmad Nadzimuddin  
(Kulliyah of Medicine, IIUM Kuantan, Pahang )

# **PENGHARGAAN**

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi ingin menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah menjadikan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA sebagai suatu realiti. Pihak Kementerian berterima kasih kepada pihak yang telah menyumbangkan idea, saranan, nasihat, serta pandangan secara langsung atau tidak langsung. Sokongan tidak berbelah bahagi daripada pelbagai bahagian di bawah Kementerian, barisan agensi, universiti-universiti awam, politeknik dan kolej komuniti sangat kami hargai untuk menjayakan usaha murni ini. Sekalung penghargaan kepada Kepimpinan Tertinggi Kementerian, barisan Naib Canselor, Rektor serta kepimpinan universiti, Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti, pensyarah dan ahli majlis perwakilan pelajar atas sumbangan idea serta sokongan yang diberikan dalam menjayakan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA.

# SEKRETARIAT

Seksyen Parlimen dan Inovasi,  
Bahagian Perancangan Strategik,  
Kementerian Pendidikan Tinggi

YBrs. Dr. Aini Andria Shirin Binti Anuarudin  
Puan Najlia Binti Mohd Nasir  
Puan Falhani Binti Firdaos  
Puan Nur Afifah binti Abdul Razak

Seksyen Penyelidikan dan PPRN,  
Bahagian Dasar dan Penyelidikan,  
Kementerian Pendidikan Tinggi

YBrs. Dr. Wan Nor Aishah Wan Omar  
Encik Jagdev Singh A/L Kulbant Singh

# PENYELIDIK

IIUM Entrepreneurship  
and Consultancies  
Sdn. Bhd.

- Prof. Dr. Noor Lide Abu Kasim-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Prof. TPr. Dr. Mariana Mohamed Osman-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Prof. Madya. Dr. Nor Norliza Jamaludin-** Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Prof. Madya. Dr. Nor Zalina Harun-** Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- TPr. Dr. Syafiee Shuid-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Dr. Noor Suzilawati Rabe-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Ainul Ashiqin Ahmad Shuhaimi-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Damira Aripin-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Siti Wahidah Muhamad Yusop-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Hafizah Hasbullah-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Aisha Sisoho-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Muhammad Khairulhamizan Md Nazir-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Nur Iliya Ahmad Sukri-** Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

## SIDANG EDITORIAL

Kementerian Pendidikan Tinggi

### Ketua Editor:

YBrs. Dr. Aini Andria Shirin Binti Anuarudin

### Editor:

Puan Najlia Binti Mohd Nasir

Puan Falhani Binti Firdaos

Puan Nur Afifah binti Abdul Razak

Prof. Madya. Dr. Nor Norliza Jamaludin



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI





Jurugambar Izuddin Helmi Adnan  
(Empire City, Petaling Jaya, Malaysia)



# **INDEKS DAN GLOSARI**

---

# **INDEKS DAN GLOSARI**

## **B**

---

### **Bahasa Melayu Tinggi**

Bahasa untuk menyatakan konsep dan pemikiran yang teknikal serta ilmiah. Bahasa yang digunakan haruslah tepat pemilihan katanya, betul tatabahasanya, rapi maknanya serta menjadi cerminan keintelektualan.

### **Bahan Umum**

Buku Panduan Akademik Fakulti/PTJ, buletin, buku polisi, karya kreatif dan lain-lain terbitan selain daripada bahan ilmiah.

### **Bahan Ilmiah**

Karya asli, jurnal, buku teks, karya terjemahan, karya suntingan, monograf, syarahan umum dan modul pengajaran dan pembelajaran.

### **Bahan Digital**

Bahan perpustakaan yang tidak bercetak dan diterbitkan dalam media elektronik.

## **G**

---

### **Geran Penyelidikan**

Geran yang diberikan untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan merangkumi semua disiplin ilmu dan laporannya disediakan dalam bahasa Melayu.

### **Geran Penerbitan**

Geran dalaman yang ditawarkan oleh IPTA dengan tujuan untuk menerbitkan pelbagai bahan ilmiah dan/atau bahan umum dalam bahasa Melayu.

## **I**

---

### **Ilmu Alam Melayu**

Istilah yang merujuk kawasan yang berkaitan dengan Nusantara, himpunan ilmu yang merangkumi geografi, bahasa serumpun, dan budaya.

# **INDEKS DAN GLOSARI**

## **K**

### **Kebolehcapaian Digital**

Akses kepada bahan rujukan ilmiah dan umum menerusi pangkalan data perpustakaan, laman sesawang, alatan digital dan teknologi.

### **Kerjasama strategik / Kolaborasi**

Kerjasama sama ada menerusi Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MOA), Geran Penyelidikan Khas, Geran Perundingan, Dana, Program Mobiliti, penawaran Kursus bahasa dan sebagainya.

### **Kursus Wajib**

Subjek wajib yang ditawarkan IPTA dalam bahasa Melayu, contohnya kursus wajib seperti TITAS, Hubungan Etnik, Kenegaraan

## **P**

### **Penganugerahan**

Anugerah yang diberikan kepada tokoh bahasa Melayu dan IPTA berdasarkan kepada kriteria penilaian yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

### **Pengiktirafan**

Penghargaan yang diberikan oleh IPTA dalam bentuk sijil, geran, anugerah dan sebagainya.

## **U**

### **Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan bahasa Melayu**

Unit khas di kementerian dan di setiap IPTA untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan dan menyediakan laporan berkala kepada pihak kementerian.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI